

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 27 NOVEMBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 25

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1523-L10608
Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan dalam memastikan tidak berlakunya pertindihan agihan zakat kepada golongan sasaran yang memerlukan khususnya golongan asnaf iaitu fakir dan miskin.
2. PN-1523-L10536
Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bukti pelaksanaan dan hasil pendekatan polisi pengajaran dan pembelajaran digital yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan generasi baru adalah celik digital.
3. PN-1523-L09946
Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian yang berkesan untuk membantu pekebun kecil dalam industri getah dan koko memandangkan harga komoditi ini sangat rendah sekarang.
4. PN-1523-L10459
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah langkah rasionalisasi subsidi dan pembaharuan cukai dapat memberi impak kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

5. PN-1523-L10331
Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada Malaysia akan menggubal satu undang-undang khusus berkaitan kecerdasan buatan (AI) bagi memastikan teknologi tersebut tidak digunakan untuk tujuan jenayah atau apa sahaja yang menyalahi undang-undang negara memandangkan jenayah siber dijangka akan terus meningkat melalui penggunaan AI berikutan kepesatan kemajuan teknologi tersebut.
6. PN-1523-L10430
Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan strategi yang telah diaturkan oleh Kementerian sebagai Kementerian Peneraju (*Lead Ministry*) dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memperkasa dan mempromosikan TVET di negara ini.
7. PN-1523-L10334
Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah mekanisme Kementerian dalam membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) menangani masalah modal kerja, modal pusingan dan pembiayaan kewangan.
8. PN-1523-L10599
Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme pemberian Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2024 dan sejauh mana sasaran Kerajaan agar skim ini akan meringankan beban kumpulan B40 serta mengurangkan kesan kenaikan kos sara hidup.
9. PN-1523-L10171
Tuan Aknan A/L Ehtook minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan kemajuan pelaksanaan Projek JENDELA dan sejauh manakah kawasan-kawasan yang masih menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan yang berkualiti seperti negeri-negeri di Kedah dan Kelantan dan kawasan-kawasan memerlukan penggunaan satelit seperti di Sabah dan Sarawak telah memperoleh kualiti perkhidmatan seperti yang disasarkan oleh projek JENDELA ini.
10. PN-1523-L10274
Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dapat diterapkan di semua peringkat Kerajaan yang terlibat.

11. PN-1523-L09835

Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Kementerian supaya perjanjian pelaburan yang dibuat kepada Kerajaan tidak terjejas oleh kesan-kesan peperangan di antara Hamas dengan Israel.

12. PN-1523-L09896

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

(a) kelemahan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) 1971 sehingga perlu digantikan dengan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN); dan

(b) langkah yang diambil untuk menjayakan DAKEN supaya kegagalan pelaksanaan DKK tidak berulang lagi.

13. PN-1523-L09886

Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula elaun Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela (PPMS) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang melibatkan 9,436 kakitangan di seluruh negara memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat.

14. PN-1523-L09905

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status Malaysia Future Leader School (MFLS) sama ada program ini akan diteruskan atau dibubarkan memandangkan pengumuman terkini berkaitan pewujudan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

15. PN-1523-L10123

Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi jangka panjang yang akan dilaksanakan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ke arah mewujudkan mekanisme penilaian akademik yang lebih konstruktif yang boleh memastikan penarafan yang saksama bagi pelajar sekolah rendah untuk beralih ke peringkat menengah rentetan daripada pemansuhan peperiksaan UPSR.

16. PN-1523-L10242
Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan inisiatif baharu yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menarik pekerja Malaysia yang berkemahiran tinggi pulang ke tanah air bagi menangani masalah aliran keluar pekerja berkemahiran tinggi ini terutamanya ke Singapura disebabkan upah yang lebih baik dan peningkatan nilai mata wang Singapura.
17. PN-1523-L10373
Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah usaha pengkomersialan benih padi IS21 yang dihasilkan oleh Agensi Nuklear Malaysia dalam membantu meningkatkan pengeluaran beras dalam negara.
18. PN-1523-L09972
Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan memberi bantuan kepada Orang Asli yang berbentuk modal awal dan barangan seperti benih, baja dan sebagainya kepada pengusaha tanaman padi bukit atau padi huma.
19. PN-1523-L09949
Datuk John Ambrose minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi Kementerian untuk memastikan Dasar Pendidikan Digital (DPD) mengambil kira kemampuan para pelajar mengguna pakai teknologi digital untuk pembelajaran serta memanfaatkan inovasi dan transformasi digital di sekolah, rumah atau di mana sahaja di samping menyediakan setiap pelajar satu peranti.
20. PN-1523-L10187
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan tiada rakyat Malaysia yang terkesan akibat daripada usaha boikot ke atas segelintir produk/jenama oleh rakyat terutamanya kepada mereka yang terlibat dalam ekonomi gig.
21. PN-1523-L10584
Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan bagi meneliti semula geran perkapita yang disalurkan kepada negeri-negeri supaya diambil kira dengan peningkatan kos sara diri dan kadar inflasi semasa.

22. PN-1523-L10409
Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah implikasi atau kesan dari sudut ekonomi terhadap rakyat ekoran pendirian tegas Kerajaan bagi isu Palestin.
23. PN-1523-L10585
Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah Bantuan Awal Persekolahan mengikut pendapatan isi rumah semasa dari tahun 2020 sehingga 2023.
24. PN-1523-L10204
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji, sama ada laporan itu boleh didedahkan kepada pihak yang terlibat dalam keterangan di hadapan panel RCI berkaitan dan bilakah laporan itu akan didedahkan kepada umum.
25. PN-1523-L10239
Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah nilai Ringgit berbanding US Dollar (USD) dapat ditingkatkan dan apakah usaha ke arah itu.
26. PN-1523-L10497
Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana gerakan Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) berfungsi dalam membantu menyelesaikan isu pelaksanaan projek sekolah daif di negeri-negeri yang berpendapatan rendah seperti Perlis, Kedah, Terengganu dan Kelantan.
27. PN-1523-L09918
Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah rekod kes kehamilan dan kelahiran anak bagi ibu-ibu di bawah umur 18 tahun mengikut tahun bermula dari tahun 2019 hingga Jun 2023 bagi setiap negeri.
28. PN-1523-L10541
Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah kesediaan Kerajaan supaya tidak berlakunya hiperinflasi disebabkan oleh pengapungan harga ayam, pemansuhan subsidi diesel dan kenaikan harga beras.

29. PN-1523-L10505

Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan satu bentuk perundangan perolehan awam bagi mengawal selia aktiviti perolehan, menambah baik penggunaan sumber, mengelakkan pertembungan kepentingan serta melindungi hak pelbagai pihak dalam satu-satu perolehan.

30. PN-1523-L10106

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pertimbangan Kerajaan untuk mengkaji dasar dan garis panduan dalam menambahbaik prosedur permohonan Kad Perniagaan Perjalanan APEC (ABTC) susulan terdapat isu permohonan tertunggak yang melebihi enam bulan dan apakah kesediaan Kerajaan untuk mengguna pakai perkhidmatan secara atas talian sepenuhnya bagi urusan permohonan ABTC ini.

31. PN-1523-L10476

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan membuat perincian berkenaan unjuran peratus pengurangan pekerja asing yang diperlukan negara setiap tahun bagi memastikan sedikit demi sedikit negara dapat mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh asing, sejajar dengan peningkatan teknologi dan automasi yang dapat mewujudkan lebih banyak sektor pekerjaan berkemahiran tinggi.

32. PN-1523-L09926

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status bangunan Pusat Latihan Ketenteraman Awam di Bentong, Pahang dan adakah ia telah beroperasi atau bermasalah.

33. PN-1523-L10133

Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan kepada dividen PETRONAS dan berapakah jumlah dividen yang dijangkakan dalam Belanjawan 2024.

34. PN-1523-L09829

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pencapaian penyelesaian konflik Palestin-Israel hasil daripada lawatan Perdana Menteri ke Timur Tengah (Arab Saudi, Turkiye dan Mesir) baru-baru ini serta peranan Malaysia sebagai suara Islam yang berani, lantang, tegas dan berdiplomasi.

35. PN-1523-L09857
Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk merangka undang-undang baru bagi mengawal masalah jerebu sebagaimana yang telah dilakukan oleh negara jiran.
36. PN-1523-L10054
Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelan dan rancangan Kementerian secara terperinci untuk program Rakan Muda di seluruh negara.
37. PN-1523-L10485
Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kerajaan terhadap kes pencerobohan bot nelayan asing (BNA) seperti dari Vietnam dan Thailand yang memberi kesulitan serta mengancam keselamatan nelayan tempatan.
38. PN-1523-L10444
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dan apakah pendirian Malaysia mengenai isu Palestin di peringkat antarabangsa selain daripada bantuan kemanusiaan.
39. PN-1523-L10203
Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha yang dilakukan bersama pihak berkepentingan untuk menarik lebih ramai pelancong asing berkunjung ke Kelantan yang kaya dengan produk ekopelancongan berkonsepkan alam semula jadi.
40. PN-1523-L10152
Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana kejayaan dan pelaksanaan bagi Laporan Pelan Tindakan OKU Nasional 2016-2022.
41. PN-1523-L10047
Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah kelulusan serta pelaksanaan dapat diberikan untuk pemeriksaan dokumen oleh Jabatan Imigresen Malaysia di *Asian Supply Base* Labuan untuk aktiviti *Crew Change* agar dapat membantu merangsang kembali ekonomi penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan.

42. PN-1523-L09970
Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah sasaran Kementerian dalam pengurangan pelepasan gas rumah hijau sebagai langkah pertengahan (*intermediate*) yang menjurus kepada matlamat pelepasan sifar bersih (*net zero*) dan sektor manakah yang akan disasarkan untuk pengurangan yang paling ketara.
43. PN-1523-L10008
Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hala tuju dan pelan tindakan Tabung Haji (TH) dalam usaha memastikan TH kekal relevan dan mampu menawarkan harga rendah kepada bakal-bakal haji pada tahun 2024 memandangkan keadaan nilai Ringgit yang semakin rendah .
44. PN-1523-L09876
Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan inisiatif terbaharu Kementerian bersama-sama Kementerian Sumber Manusia dalam usaha mencapai sasaran 60 peratus penyertaan tenaga buruh wanita dalam tempoh 10 tahun mendatang memandangkan tenaga buruh wanita kini berada di kadar 55.6, peratus berbanding Singapura dan Thailand yang mempunyai peratusan yang lebih tinggi.
45. PN-1523-L10396
Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar lepasan SPM dari masyarakat India yang telah menerima tawaran dan melapor diri untuk Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2023.
46. PN-1523-L10562
Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan justifikasi penamatan subsidi harga ayam yang telah ditamatkan pada 1 November 2023 serta kesan inflasi luar jangka terhadap langkah yang diambil.
47. PN-1523-L10336
Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status pembaikan 17 buah rumah yang terlibat dalam tragedi tanah runtuh di kawasan perumahan Orang Asli di Sungai Ruil Cameron Highlands, Pahang yang berlaku pada 12 Oktober 2023.

48. PN-1523-L10307
Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jenis-jenis bantuan atau sokongan (seperti biasiswa, bantuan kewangan dan sebagainya) daripada Kementerian yang ditawarkan kepada para pelajar dan pusat latihan TVET supaya kita dapat melihat lonjakan penglibatan pelajar dalam sektor penting ini.
49. PN-1523-L09962
Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan :-
- (a) status pembangunan rangkaian internet 5G setakat ini; dan
 - (b) jumlah langganan yang telah diterima menerusi perkhidmatan rangkaian 5G.
50. PN-1523-L10103
Datuk Noraini binti Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan-tindakan yang akan ditumpukan dalam menjayakan setiap proses reformasi perundangan yang melibatkan pemansuhan hukuman mati mandatori serta pemeraksanaan institusi Kehakiman negara.
51. PN-1523-L10454
Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah persediaan Kerajaan dari segi kemudahan infrastruktur dan tenaga pengajar apabila pindaan Akta Pendidikan 1996 yang mewajibkan pendidikan wajib sekolah sehingga 17 tahun dilaksanakan.
52. PN-1523-L10388
Datuk Paul Igai minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan akan mula membina Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di Bahagian Kapit, Sarawak.
53. PN-1523-L09938
Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan Kementerian dalam mempromosikan program keusahawanan dan penglibatan belia dalam sektor pertanian dan penghasilan makanan terutama yang berkaitan dengan teknologi dan inovasi dalam sektor pertanian dan seterusnya meningkatkan pengeluaran hasil serta mampu menjadi pemain utama dalam ekonomi negara.

54. PN-1523-L10607
Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan bersepadu yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengembalikan kepercayaan global terhadap kredibiliti negara sebagai jaguh antirasuah rentetan daripada laporan akhbar yang digembar-gemburkan oleh portal-portal berita dunia mengenai isu pelepasan tanpa dibebaskan (DNAA) Timbalan Perdana Menteri I.
55. PN-1523-L10294
Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan dan dagangan yang telah berjaya dipersetujui dan dilaksanakan dalam Ringgit Malaysia sehingga hari ini, memandangkan Malaysia telah memeterai perjanjian dengan Indonesia, Thailand dan China untuk menggalakkan lebih banyak perdagangan dan pelaburan dalam mata wang tempatan dalam usaha untuk *dedollarisation*.
56. PN-1523-L10163
Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah inisiatif yang telah dilaksanakan daripada 96 inisiatif yang dikenal pasti dalam Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025.
57. PN-1523-L10281
Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memantau prestasi semua perbadanan awam khususnya Badan-badan Berkanun bagi memastikan ia mencapai matlamat penubuhan.
58. PN-1523-L10240
Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha intervensi untuk menangani isu pelajar lepasan menengah yang tidak berminat untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam memenuhi aspirasi negara menuju negara maju.
59. PN-1523-L10040
Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) usaha yang diambil Kerajaan untuk merealisasikan Kertas Putih Kesihatan yang diluluskan secara majoriti dalam sidang Parlimen sebelum ini; dan

- (b) bilakah Kerajaan akan memaklumkan jadual tempoh pelaksanaan untuk pelan reformasi kesihatan negara selaras dengan Kertas Putih Kesihatan.
60. PN-1523-L09979
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha oleh Kerajaan untuk menunjukkan kesungguhan bagi menjadikan wakaf sebagai instrumen penting dalam memajukan ekonomi negara dengan melihat kepada peruntukan yang disediakan dalam Belanjawan 2024.
61. PN-1523-L10426
Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah strategik Kerajaan Persekutuan dalam menaik taraf dan membantu Kerajaan Negeri Melaka untuk meningkatkan keupayaan kemudahan pelancongan dan pusat-pusat kunjungan pelancong serta aktiviti promosi pelancong antarabangsa di Melaka sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.
62. PN-1523-L10167
Tuan Aknan A/L Ehtook minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah untuk menyegerakan kerja-kerja menaik taraf Jalan Kg. Kok Seraya ke Kg. Terbak, Tumpat, Kelantan dan tindakan yang diambil untuk memaklumkan pemilik-pemilik tanah yang terlibat.
63. PN-1523-L10143
Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk mendapatkan sokongan dari negara-negara serata dunia dalam menyokong negara Palestin dan apakah kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia dalam usaha ini.
64. PN-1523-L10358
Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah perancangan strategik dari Kementerian dalam menghadapi perubahan iklim terutamanya semasa musim tengkujuh.
65. PN-1523-L09822
Tuan Abun Sui Anyit minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik dari segi jumlah wang bantuan kepada setiap mangsa bencana banjir dan kebakaran yang berlaku di dalam negara ini berdasarkan negeri-negeri di Malaysia dari tahun 2018 hingga sekarang.

66. PN-1523-L10363

Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan berkenaan pembinaan Klinik Kesihatan 3 di Bayong, Sarikei, Sarawak setakat ini dan bilakah pembinaan tersebut akan bermula.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.34/2023) Rang Undang-Undang Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Kewangan]
2. (D.R.32/2023) Rang Undang-Undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2023 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis) **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Kewangan]
3. (D.R.30/2023) Rang Undang-Undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Sumber Manusia]
4. (D.R.27/2023) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]
5. *(D.R.31/2023) Rang Undang-Undang Perbekalan 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Kewangan]
6. *(D.R.36/2023) Rang Undang-Undang Kewangan (No.2) 2023 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Kewangan]

7. (D.R.28/2023) Rang Undang-Undang Kecekapan dan **Bacaan Kali**
Konservasi Tenaga 2023 **Kedua**

**[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan
Perubahan Iklim]**

8. (D.R.29/2023) Rang Undang-Undang Bekalan Elektrik **Bacaan Kali**
(Pindaan) 2023 **Kedua**

**[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan
Perubahan Iklim]**

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD 31	Tinjauan Ekonomi 2024 / Economic Outlook 2024	27 November 2023
CMD 32	Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2024 / Fiscal Outlook and Federal Government Revenue Estimates 2024	27 November 2023
CMD 33	Penyata Daripada Kementerian Kewangan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024	27 November 2023
CMD 34	Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024	27 November 2023
CMD 35	Senarai Perjawatan di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024	27 November 2023
CMD 36	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022	27 November 2023
CMD 37	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2021	27 November 2023
CMD 38	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Johor Tahun 2022	27 November 2023
CMD 39	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Tahun 2022	27 November 2023
CMD 40	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Kelantan Tahun 2022	27 November 2023
CMD 41	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Melaka Tahun 2022	27 November 2023

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD 42	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri, Negeri Sembilan Tahun 2022	27 November 2023
CMD 43	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Pahang Tahun 2022	27 November 2023
CMD 44	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Perak Tahun 2022	27 November 2023
CMD 45	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Perlis Tahun 2022	27 November 2023
CMD 46	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang Tahun 2022	27 November 2023
CMD 47	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Kementerian/Agensi Negeri Sabah Tahun 2022	27 November 2023
CMD 48	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Sarawak Tahun 2022	27 November 2023
CMD 49	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2022	27 November 2023
CMD 50	Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2022	27 November 2023

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD 51	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) Bagi Tahun 2022	27 November 2023
CMD 52	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) Bagi Tahun 2022	27 November 2023
CMD 53	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan	27 November 2023
CMD 54	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan	27 November 2023
CMD 55	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar	27 November 2023
CMD 56	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor	27 November 2023
CMD 57	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah	27 November 2023
CMD 58	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan	27 November 2023
CMD 59	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Melaka	27 November 2023
CMD 60	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan	27 November 2023
CMD 61	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang	27 November 2023
CMD 62	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak	27 November 2023

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD 63	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Jabatan Negeri Perlis	27 November 2023
CMD 64	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang	27 November 2023
CMD 65	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah	27 November 2023
CMD 66	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak	27 November 2023
CMD 67	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor	27 November 2023
CMD 68	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu	27 November 2023
ST 115	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Bagi Tahun 2021	27 November 2023
ST 117	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Bagi Tahun 2021	27 November 2023
ST 119	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Bagi Tahun 2021	27 November 2023
ST 150	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Bagi Tahun 2021	27 November 2023
ST 151	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Bagi Tahun 2021	27 November 2023

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST 152	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah Bagi Tahun 2021	27 November 2023
ST153	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Bagi Tahun 2021	27 November 2023
ST 154	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi Bagi Tahun 2021	27 November 2023
ST 155	AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964 AKTA KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RENDAH 1955 Kaedah-Kaedah Mahkamah (Pindaan) 2023 P.U. (A) 229/2023 diwartakan pada 31 Julai 2023	27 November 2023
ST 156	AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan (Pindaan) 2023 P.U. (A) 228/2023 diwartakan pada 31 Julai 2023	27 November 2023
ST 157	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 17/2023 diwartakan pada 18 Januari 2023	27 November 2023
ST 158	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 37/2023 diwartakan pada 10 Februari 2023	27 November 2023
ST 159	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) (No. 2) 2023 P.U. (A) 39/2023 diwartakan pada 13 Februari 2023	27 November 2023
ST 160	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) (No. 3) 2023 P.U. (A) 79/2023 diwartakan pada 30 Mac 2023	27 November 2023

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST 161	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 2) 2023 P.U. (A) 83/2023 diwartakan pada 30 Mac 2023	27 November 2023
ST 162	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 3) 2023 P.U. (A) 84/2023 diwartakan pada 30 Mac 2023	27 November 2023
ST 163	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 4) 2023 P.U. (A) 151/2022 diwartakan pada 12 Mei 2023	27 November 2023
ST 164	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 5) 2023 P.U. (A) 161/2022 diwartakan pada 26 Mei 2023	27 November 2023
ST 165	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 6) 2023 P.U. (A) 162/2022 diwartakan pada 26 Mei 2023	27 November 2023
ST 166	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 7) 2023 P.U. (A) 163/2022 diwartakan pada 29 Mei 2023	27 November 2023
ST 167	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 8) 2023 P.U. (A) 164/2023 diwartakan pada 29 Mei 2023	27 November 2023
ST 168	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 9) 2023 P.U. (A) 187/2023 diwartakan pada 20 Jun 2023	27 November 2023
ST 169	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 204/2023 diwartakan pada 6 Julai 2023	27 November 2023

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST 170	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 10) 2023 P.U. (A) 212/2023 diwartakan pada 13 Julai 2023	27 November 2023
ST 171	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) (No.2) 2023 P.U. (A) 226/2023 diwartakan pada 28 Julai 2023	27 November 2023
ST 172	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 11) 2023 P.U. (A) 232/2023 diwartakan pada 3 Ogos 2023	27 November 2023
ST 173	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) (No. 4) 2023 P.U. (A) 267/2023 diwartakan pada 5 September 2023	27 November 2023
ST 177	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) Bagi Tahun 2021	27 November 2023
ST 178	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang Bagi Tahun 2022	27 November 2023
ST 179	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SMEE Corp) Bagi Tahun 2021	27 November 2023
ST 180	Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2022	27 November 2023
ST 191	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Bagi Tahun 2021	27 November 2023
ST 192	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bagi Tahun 2021	27 November 2023
ST 193	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Bagi Tahun 2021	27 November 2023

TAHUN 2023**RISALAT/DOKUMEN****TARIKH
DIBENTANGKAN**

ST 194	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam Bagi Tahun 2021	27 November 2023
ST 196	AKTA IMIGRESEN 1959/63 Peraturan-Peraturan Imigresen (Pindaan) 2022 P.U. (A) 56/2022 diwartakan 15 Mac 2022	27 November 2023